

Penganggur di Malaysia 36,000

ROMPIN - Jumlah penganggur di Malaysia dari Oktober 2008 sehingga Disember tahun lepas mencatatkan sebanyak 36,000 orang atau 3.6 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata, kebanyakan daripada statistik itu adalah daripada sektor perkilangan ekoran kekurangan pengeksport kerana kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat pada 2008.

Beliau berkata, jumlah tersebut bagaimanapun masih berada dalam kawalan berbanding 84,000 penganggur dicatatkan pada krisis ekonomi Asia dalam tempoh yang sama pada 1997.

“Akibat krisis ekonomi melanda di Amerika Syarikat, ramai buruh yang terdiri daripada golongan dewasa terpaksa di-berhentikan kerja secara sementara.

“Syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan terpaksa meng-cilkan jumlah pengeluaran kerana permintaan yang kurang,” katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Chap Goh Mei di sini malam kelmarin.

Menurut Maznah, bagi mengurangkan kadar pengangguran dalam negara, kementerian menempatkan semula kira-kira 29,000 pekerja manakala sebahagian lagi mengikuti skim kemahiran. - Bernama